


Bolehkah Pemilik Membuat Bantahan

- Kenyataan Pindaan Senarai Nilai di hantar kepada pemilik dalam masa 30 hari sebelum Cukai Taksiran Harta Baru dikuatkuasakan. Pemilik yang tidak berpuas hati boleh mengemukakan bantahan secara bertulis tidak lewat dari 14 hari dari tarikh penguatkuasaan cukai.
- Bantahan yang dikemukakan didengar dan diputuskan oleh Jawatankuasa Mendengar Bantahan Cukai Taksiran Harta MBMB sama ada pemilik berkenaan hadir atau tidak.
- Sekiranya pemilik masih tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa di atas bolehlah mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Tinggi dengan syarat berikut:
 - a) Membayar dshulu amaun Cukai Taksiran Harta yang telah dikenakan oleh MBMB.
 - b) Mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan keputusan bantahan.
- Jika pemilik masih tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi, bolehlah membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan atas soal undang-undang untuk keputusan muktamad.
- Pindaan-pindaan nilai hanya berkuatkuasa pada 1 JANUARI dan 1 JULAI tahun taksiran berkenaan.



Jika anda ada masalah berkaitan,
sila hubungi:

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA


MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH,
Graha Makmur, No.1,
Lebuhraya Ayer Keroh, 75450 Melaka.
Tel: 06-2326411 samb. 582/583/585/586
Faks : 06-2325716
Laman web: <http://www.mbmb.org.my>

**"Esok Bermula
Hari Ini"**



MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

Anda & Cukai Taksiran Harta



Jabatan Penilaian &
Pengurusan Harta

Apakah Itu Cukai Taksiran Harta?

CUKAI TAKSIRAN HARTA ialah satu bentuk cukai yang dikenakan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah ke atas pegangan di dalam kawasan kadaran MBMB berdasarkan Nilai Tahunan dan Kadar Tahunan.

CONTOH:

Jika sesuatu pegangan tersebut mempunyai:

Nilai Tahunan = RM2,400.00
Kadar Tahunan = 2%

Maka, Cukai Taksiran Harta pegangan tersebut:

$$= \frac{RM2,400.00 \times 2}{100} = RM48.00 \text{ setahun}$$



Kawasan Kadaran

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

meliputi keseluruhan kawasan daerah Melaka Tengah.

Definisi Pegangan, Nilai Tahunan dan Kadar Tahunan

PEGANGAN

Tanah yang dimiliki dalam sesuatu suratan hakmilik sama ada mempunyai bangunan atau tidak (tanah kosong).

NILAI TAHUNAN

Anggaran sewa tahunan kasar sesuatu pegangan di mana pemilik pegangan menanggung kos penyelenggaraan, pembaikan, insurans, pemeliharaan, segala kadar dan cukai am.

KADAR TAHUNAN

Kadar yang ditetapkan oleh MBMB bagi menentukan Cukai Taksiran Harta sebuah pegangan. Peruntukan Seksyen 134 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Kadar tahunan berbeza mengikut kegunaan dan lokasi dan ianya boleh berubah dari masa ke masa selapas tempoh satu tahun. Berdasarkan kepada Akta 171 Seksyen 130, kadar tahunan boleh dikenakan tidak melebihi 35% dari Nilai Tahunan.

Apakah Sebab Nilai Pegangan Boleh Diubah Oleh MBMB



Nilai pegangan boleh diubah oleh MBMB setiap 2 kali setahun disebabkan oleh perubahan Nilai Tahunannya.

Sebab-sebab perubahan tersebut ialah:

- Pembangunan baru dan telah mendapat Sijil Kesempurnaan (CF).
- Bangunan diubahsuai melibatkan perubahan keluasan lantai.
- Tanah kosong yang telah dibangunkan.
- Kemusnahan kepada bangunan seperti terbakar, roboh dan sebagainya.
- Kerana perubahan perancangan di sesuatu kawasan, contohnya kawasan pertanian menjadi perumahan.